

21/10/1997

Soros nafi eksploitasi pasaran mata wang

MOSCOW, Isnin - Jutawan Amerika Syarikat, George Soros, hari ini menafikan dakwaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa beliau mengeksploitasi pasaran mata wang Asia kerana 'tiada bukti' menunjukkan beliau berbuat demikian.

"Mengenai dakwaan Dr Mahathir, saya menolak semuanya kerana beliau tidak memberi sebarang bukti bagi mengesahkan tuduhannya," kata Soros kepada wartawan di Moscow sebaik menamatkan lawatannya ke Russia.

Awal bulan ini, Dr Mahathir mendakwa Soros bersikap 'talam dua muka,' kerana menggesa dasar masyarakat terbuka tetapi pada masa yang sama terbabit dalam urusan niaga mata wang 'tertutup.'

Sementara itu, dalam satu laporan lain menyebut Soros, akan membelanjakan AS\$500 juta (RM1.5 bilion) di Russia bagi memperbaiki sektor kesihatan dan pendidikan negara itu, lapor New York Times, hari ini.

Soros juga akan melabur wang dalam beberapa program melatih semula askar Russia untuk bekerja dengan pihak swasta, menurut akhbar berkenaan yang mewawancara Soros.

Pelaburannya menjadikan Soros, berasal dari Hungary, penyumbang terbesar di Russia, memandangkan angka pelaburannya lebih tinggi berbanding negara lain.

Contohnya, Amerika memberi AS\$95 juta (RM285 juta) dalam bentuk bantuan luar pada 1996, menurut Times.

Soros baru-baru ini melabur hampir AS\$1 bilion (RM3 bilion) dalam program penswastaan syarikat telekomunikasi Russia, Svyazinvest.

Selepas perjanjian Svyazinvest dimeterai, di mana Soros dikatakan melabur AS\$980 juta (RM2,490 juta), meliputi suku nilai ekonomi Russia, pelaburan sepenuhnya di negara itu bernilai 2.5 bilion (RM7.5 bilion), katanya kepada wartawan awal bulan ini.

Soros menghabiskan masa dua minggu lalu menjelajah Russia, digambarkannya sebagai lawatan memenatkan selain 'mengecewakan' beberapa kali.

Soros memberitahu akhbar itu beliau percaya Russia perlu lebih banyak bantuan daripada negara maju. - AFP

(END)